

PKR, PAS sukar penuhi kuota 30% kepimpinan wanita, DAP ada kemajuan

Malaysian Insider

Jan 6, 2015

OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

Ketika DAP mencipta sejarah menjadi parti pertama di Malaysia yang menetapkan kuota 30% untuk wanita dalam kepimpinan tertingginya, rakan komponen Pakatan Rakyat (PR) PKR dan PAS bekerja keras mengubah pemikiran dan kurangnya ahli wanita untuk mengambil tanggungjawab lebih besar.

Ketua Wanita PKR Zuraida Kamaruddin berkata, walaupun berjaya menarik wanita berkecayaan untuk menyertai partinya, kebanyakan tidak mahu memimpin atau keberatan untuk menyertai kepimpinan parti.

“Walaupun ramai profesional wanita berminat menyertai PR namun ramai yang masih keberatan apabila dipilih untuk menganggotai kepimpinan parti.

“Di peringkat PKR, saya berani mengaku kita masih kurang wanita berkecayaan boleh diketengahkan sebagai calon Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN),” katanya kepada The Malaysian Insider.

Walaupun PKR menjadi parti pertama yang meminda Perlembagaan untuk memasukkan kuota 30% wakil wanita di semua peringkat pada 2009, tetapi mereka masih gagal mencapai sasaran ini, kata Zuraida.

“Saya lihat kita hanya mampu capai 26% pada ketika ini,” katanya dan menambah perkembangan ini lebih baik daripada Wanita Umno, parti tunjang Barisan Nasional (BN).

“Parti pembangkang tidak mudah mendapatkan profesional atau ahli akademik untuk bersama kita. Jika parti kerajaan lebih mudah,” kata Zuraida yang juga ahli Parlimen Ampang.

DAP yang berusia 48 tahun sudah mengesahkan pindaan Perlembagaan parti berhubung kuota 30% wanita dalam Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) dalam konvensyen nasional pada 14 Disember tahun lalu. Langkah ini menyebabkan 9 kerusi diperuntukkan DAP kepada golongan wanita dalam CEC.

Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng berkata, mereka mensasarkan untuk melibatkan lebih ramai wanita dalam partinya termasuk untuk mendapatkan sokongan wanita dalam pilihan raya.

Pada ketika ini, dua jawatan tertinggi dipegang wanita dalam CEC DAP adalah

timbangan pengerusi oleh Teresa Kok yang juga ahli Parlimen Seputeh dan Timbalan Setiausaha Agung Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Padang Lalang.

Kebanyakan wanita keberatan untuk menyertai kepimpinan parti, kata Ketua Wanita PKR Zuraida Kamaruddin. – Gambar fail The Malaysian Insider, 6 Januari, 2015. Kebanyakan wanita keberatan untuk menyertai kepimpinan parti, kata Ketua Wanita PKR Zuraida Kamaruddin. – Gambar fail The Malaysian Insider, 6 Januari, 2015. Zuraida berkata, lebih mudah untuk menarik wanita profesional dan ahli akademik jika PKR merupakan kerajaan persekutuan.

Berlainan pula ceritanya dengan PAS, di saat PKR sudah bersedia mencapai ke tahap 30%, parti Islam itu masih cuba mendapatkan keyakinan daripada kepimpinan lelaki.

Timbalan Ketua Wanita PAS Dr Siti Mariah Mahmud (gambar bawah) berkata PAS belum sampai ke tahap menetapkan sasaran 30% bagi mengelak memberi tekanan kepada pemimpin lelaki.

“Muslimat PAS belum meminta kebenaran atau persetujuan parti tetapi muslimat memang sedang mengusahakan untuk mencapai sasaran itu tanpa meletakkan kemestian.

“Saya rasa pimpinan muslimin PAS dan sebahagian pimpinan muslimat belum bersedia meletakkan kuota walaupun itu keinginan pimpinan Dewan Muslimat.

“Kita lebih kepada menyiapkan perjanjian dan menekan mereka. Kita lihat macam mana. Insya-Allah kita cuba,” katanya kepada The Malaysian Insider.

Siti Mariah berkata masih banyak perkara yang perlu difikirkan sebelum ke sasaran 30% terutamanya siapakah calon wanita yang akan diangkat sebagai pemimpin.

Katanya, pimpinan lelaki PAS juga perlu menukar corak pemikiran mereka dan tidak bersifat konservatif apabila pemimpin wanita cuba ditonjolkan.

“Kita takut ada kuota dan calon tetapi tidak disokong pimpinan semua peringkat terutama kaum lelaki. Bila cadangan datang daripada lelaki, mereka susah hendak tolak tetapi daripada muslimat, ada sedikit pemikiran yang agak konservatif.

“Cara kami, tingkatkan kesedaran dan minta sokongan mereka dulu. Jadi bila kita meletakkan satu ketetapan esok dalam bentuk usul, ia tidak akan terlalu banyak dibangkang kerana masalah kita adalah pelaksanaan.

“Sekiranya tidak mendapat sokongan PAS kawasan dan cawangan, parti akan berdepan banyak masalah. Bila kita fikir ke arah itu, tugas pimpinan menyediakan wanita berkepimpinan dan berkemampuan untuk menduduki tempat itu,” katanya.

Ahli Parlimen Kota Raja itu berkata apa yang menjadi keutamaan Dewan Muslimat PAS kini adalah untuk melobi jawatan naib presiden wanita agar gerak kerja lebih mudah untuk dilaksanakan.

"Dalam muktamar lepas, wakil muslimat Johor berkata perlu ada satu kuota naib presiden kepada muslimat. Maknanya daripada tiga ke empat kerusi. Jika guna kuota sedia ada, orang lelaki akan berasa kuota mereka diambil," katanya.

Sementara itu, Ketua Wanita DAP Chong Eng berkata kuota wanita 30% dalam kepimpinan parti bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan kerana negara lain sudah mengamalkannya.

Katanya, dengan ruang yang diberikan secukupnya kepada kaum hawa, ia membuktikan kepentingan wanita terutamanya dalam usaha memenangi pilihan raya.

"Selain keinginan politik, pemimpin wanita juga perlu berazam untuk melobi parti mereka mengadakan polisi ini.

"Ini salah satu dasar yang boleh memperkasa dan meningkatkan pemimpin wanita di peringkat lebih tinggi supaya apabila dasar dibuat untuk negara atau parti, wanita akan diambil kira," katanya kepada The Malaysian Insider.

Chong berkata keazaman yang lebih tinggi perlu ditunjukkan parti politik di Malaysia dengan membuka ruang dan memperkenalkan polisi yang bersesuaian kepada wanita.

"PAS, PKR dan Umno pun boleh kalau mereka mahu tetapi pimpinan tidak mahu. Mereka mahu undi wanita tetapi tidak mahu wanita jadi pemimpin di peringkat yang tinggi.

"Asalkan mereka mahu boleh buat kerana 30% bukan di sini saja tetapi seluruh dunia. Banyak negara sudah guna pakai mungkin bentuk yang tidak sama.

"Mereka ada peruntukan kerusi kawasan pilihan raya untuk wanita. Indonesia mewajibkan semua parti sekurang-kurangnya 30% penglibatan wanita. Kalau tiada, tidak boleh bertanding," katanya.

Zuraida berkata, di Malaysia separuh penduduk adalah wanita, penting suara wanita terus lantang agar polisi kerajaan mengambil kira perspektif wanita.

"Jika tidak laksanakan ini, wanita sampai bila-bila akan dipinggirkan dan tidak pernah diangkat diberikan jawatan walaupun mereka berkelayakan," katanya. – 6 Januari, 2015.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-pas-sukar-penuhi-kuota-30-keimpinan-wanita-dap-ada-kemajuan>